

Kerajaan diminta realisasikan pandangan NGO

Kuala Lumpur: Semua cadangan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani peningkatan kos sara hidup perlu direalisasikan sepenuhnya supaya benar-benar membantu rakyat.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata penubuhan jawatankuasa itu tidak sepatutnya sekadar menjadi ruang menyuarakan cadangan, sedangkan semua keputusan dibuat kerajaan.

Elak kenaikan harga

“Bukan sekadar menubuhkan jawatankuasa dan berbincang tetapi pelaksanaan menjadi perkara paling penting apa yang akan dibuat kerajaan.

“Sebarang kenaikan (tambang dan harga barang) perlu dihentikan jika boleh dan tunggu sehingga keadaan reda.

“Sebagai contoh, kita tengok pengangkutan awam yang rata-rata digunakan rakyat peringkat bawah dan pertengahan.

“Jika kenaikan tambang dibenarkan, memang ia membebankan rakyat.

“Perkara seperti ini yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai penubuhan jawatankuasa itu oleh kerajaan bertujuan membincangkan pandangan NGO dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

Jawatankuasa baharu dipe-



Mohd Yusof Abdul Rahman

ngerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi itu dianggotai enam menteri dan enam ketua setiausaha kementerian berkaitan iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Tiga lagi adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Dalam pada itu, menerusi kenyataannya, Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia,



Lee Lam Thye

Tan Sri Lee Lam Thye mengesyorkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai disenaraikan dalam jawatankuasa baharu itu kerana kos pengangkutan awam berkait rapat dengan kenaikan kos sara hidup.

Tambang LRT, Monorel

Lam Thye berkata, tambang kereta api ERL akan naik lebih 50 peratus mulai lusa, manakala tambang perkhidmatan kereta api LRT dan Monorel kini sedang dikaji semula.

“Itulah sebabnya penting bagi Menteri Pengangkutan menjadi sebahagian daripada jawatankuasa berkenaan supaya kementerian maklum keadaan yang dihadapi pengguna pengangkutan awam,” katanya.